

Cheng Hoe tak gusar barisan baharu

Kuala Lumpur: Sekalipun skuad Harimau Malaya kali ini dibarisi ramai 'taring baharu' bagi menghadapi saingan Piala Airmarine 2019, namun situasi itu jelas tidak menggusarkan pengendalinya, Tan Cheng Hoe.

Ini kerana Cheng Hoe melontarkan keyakinan betapa muka baharu yang dipanggil pasti tidak berdepan masalah menyesuaikan diri dalam skuad kebangsaan ketika hanya memiliki tempoh singkat sebelum saingan empat penjuru itu membuka tirainya di Bukit Jalil,

pada 20 Mac ini.

"Memang ramai yang tidak bersama kita daripada skuad Piala AFF 2018, namun saya akan memberi peluang kepada semua pemain untuk membuktikan kemampuan masing-masing.

"Saya yakin mereka dapat menyesuaikan diri dan membentuk keserasian yang padu dalam tempoh singkat ini. Ia bukan satu perkara yang mudah tetapi saya perlu kekal positif.

"Dalam masa sama, saya juga tidak mahu meletakkan seba-

rang tekanan kepada pemain dan kita akan cuba meraih sesuatu daripada saingan Piala Airmarine 2019," katanya ketika dihubungi *Sukan BH*, semalam.

Terdahulu, skuad kebangsaan tampil dengan wajah lebih 'segar' apabila membariskan hampir separuh muka baharu bagi mengharungi saingan Piala Airmarine 2019 yang turut menampilkan Singapura, Oman dan Afghanistan.

Menerusi satu kenyataan daripada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), pengendali

skuad kebangsaan, bekas jurulatih Kedah itu menyenaraikan 12 pemain baharu iaitu tiga pemain Selangor - Abdul Latiff Suhaimi, Faiz Nasir dan Abdul Halim Saari; dua pemain Pahang - Matthew Davies dan Nor Azam Abdul Azih; serta dua pemain Kedah - penjaga gol Ifwat Akmal Chek Kassim dan Rizal Ghazali.

Selain itu, lima pemain lagi termasuk Hadin Azman (Felda United), Firdaus Saiyadi (Perak), Hafiz Ramdan (PKNP FC), Nicholas Swirad (PKNS FC) dan S Kumaahran (JDT II).